

# PM: Umat Islam harus salahkan diri sendiri

7 Mei 2002

**K**UALA LUMPUR 7 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam harus menyalahkan diri sendiri terhadap kesengsaraan yang dialami oleh mereka dan umat Islam keseluruhannya pada hari ini.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu bukannya ketentuan atau takdir Allah, tetapi adalah kerana kegagalan umat Islam mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan patut kepada al-Quran serta hadis.

“Umat Islam tidak pernah mengkaji peranan mereka yang membawa kepada keruntuhan umat Islam. Mereka tidak pernah menyalahkan diri sendiri.

“Mereka menganggapnya sebagai takdir Allah, atau secara tidak langsung mereka menyalahkan Allah atas nasib malang mereka,” tegasnya dalam ucapannya pada Mukhtar Kctujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Dr. Mahathir memberi contoh kejatuhan Empayar Islam di Granada kepada Sepanyol selepas berkuasa selama 13 abad turut dianggap sebagai takdir Allah.

Katanya, jika semua keadaan yang berlaku adalah takdir Allah, umat Islam tidak seharusnya berusaha untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.

“Mereka harus berkata bahawa ini adalah ketentuan Allah dan sebagai orang Islam mereka tidak harus berusaha membetulkan ketentuan Allah,” tegasnya.

Pada asasnya, tegas Perdana Menteri, umat Islam telah mengabaikan ajaran Islam yang sebenar, malah mereka sering menggunakan ayat Quran dengan mentafsirkannya bagi kepentingan mereka sendiri.

Katanya, ada umat Islam yang sanggup

menafikan umat Islam yang lain sebagai saudara sesama Islam dan dengan mengisytiharkan bahawa umat Islam tertentu sebagai kafir, mereka sanggup membunuh orang Islam itu atas nama Islam.

Dr. Mahathir menegaskan, keadaan itu telah menjadikan umat Islam dan negara-negara Islam lemah dan tidak mampu melindungi kepentingan mereka sendiri.

“Contohnya adalah Jenin,” katanya yang merujuk kepada pencampatan pelarian rakyat Palestin yang menjadi mangsa serangan tentera Israel.

## [Teks ucapan penuh Perdana Menteri di muka 6]

Perdana Menteri berkata, dari sikap umat Islam itu, negara-negara Islam telah mengalami kemunduran ekonomi sehingga mereka tidak berupaya untuk membantu umat Islam lain yang memerlukan bantuan.

“Juga terdapat tanggapan bahawa menjadi kaya itu adalah berdosa. Tanggapan itu menjadi pegangan walaupun ajaran Islam menyatakan bahawa menjadi miskin itu menghampiri kufur,” katanya.

Beliau berkata, jika semua umat Islam miskin, tidak ada sumbangan yang dapat diberikan termasuk untuk membantu orang miskin lain.

“Itulah sebabnya mengapa umat Islam mesti bekerja keras untuk meningkatkan kekayaan mereka bagi membolehkan mereka mengeluarkan zakat, bersedekah dan membina kemudahan untuk orang Islam,” ujar beliau.

Katanya, Islam tidak malarang umatnya menjadi kaya seperti yang ditegaskan dalam al-Quran, tetapi kitab suci itu juga menye-

but tentang kewajipan mengagihkan kekayaan menerusi zakat, sedekah dan wakaf.

“Sistem Islam dalam menguruskan ketidaksamarataan dalam masyarakat ini adalah jauh lebih baik daripada ideologi yang dibangunkan oleh manusia,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut mengingatkan umat Islam tentang kepentingan menguasai ilmu pengetahuan, maklumat dan kemahiran bagi membantu membangunkan umat Islam.

Katanya, mendapatkan pengetahuan adalah langkah pertama dalam mengumpulkan kekayaan yang halal dan seterusnya dapat memenuhi tuntutan bersedekah dan mengeluarkan zakat.

Beliau berkata, umat Islam pernah menjadi ahli pertukangan dan pemikir yang hebat, tetapi mereka tidak berusaha memperbaiki hasil keluaran atau pemikiran mereka.

Kata Perdana Menteri, mereka terus mengeluarkan barangan secara manual dan dengan peningkatan jumlah penduduk dunia, pengeluaran secara manual itu tidak akan dapat memenuhi permintaan.

“Kerana kita tidak tahu mengeluarkan barangan yang baik secara besar-besaran untuk memenuhi pasaran yang besar, kita menjadi miskin.

“Dengan kemiskinan itu, kita tidak dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, apa yang sebenarnya berlaku ialah umat Islam tidak menggunakan akal yang dikurniakan sebaliknya hanya berdoa memohon pertolongan Allah, tetapi tidak dimakbulkan kerana umat Islam tidak menolong dirinya sendiri.